

Kerajaan akan gubal UM 15 MAY 1985 dasar awasi belanja 14 pihak berkuasa awam - Mahathir

KUALA LUMPUR 14 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan akan menganalisa dan menggubal dasar-dasar yang bersesuaian bagi mengawasi perbelanjaan 14 pihak berkuasa awam.

Di samping pihak-pihak berkuasa tersebut, beberapa agensi luar belanjawan yang telah dikenalpasti akan juga diawasi, tambah Perdana Menteri.

Katanya, perbelanjaan agensi-agensi tersebut perlu dikawal seperti jabatan-jabatan kerajaan yang lain bila kerajaan menyediakan anggaran perbelanjaan ne-

gara terutama bagi Rancangan Malaysia Kelima memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang.

Tanpa menyenaraikan jabatan dan agensi-agensi yang terlibat, Perdana Menteri berkata, sebuah jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi mengawasi secara rapi perbelanjaan agensi-agensi tersebut.

Berucap merasmikan bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWASA) di Jalan Raja

Laut di sini petang ini, beliau berkata, sebelum ini agensi-agensi luar belanjawan dikelaskan sebagai sektor swasta dan agensi-agensi itu bebas menggubal belanjawan masing-masing.

"Kerajaan mengambil tindakan ke atas perbelanjaan agensi-agensi awam supaya perbelanjaan kerajaan selaras dengan kewangan dan kedudukan kewangan negara," katanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, tahun ini masih dianggap tahun pemulihan ekonomi negara selepas beberapa tahun kemelesetan ekonomi dunia tetapi pemulihan ekonomi diramalkan tidak serancak atau secepat tahun lalu.

rangan kita lebih bersaing di pasaran dunia atau menyokong kempen membeli barang Malaysia," katanya.

Perdana Menteri di samping itu juga menegur agensi-agensi awam yang tidak mengawasi perbelanjaan mereka kerana berpendapat kos pengurusan mereka tidak menjadi masalah kerana mendapat bantuan wang dari kerajaan.

"Sesuatu kelalaian dan gejala buruk sudah tentu memberi kesan yang buruk juga dan akhirnya setiap anggota perkhidmatan awam dan negara akan menanggung beban yang berat akibat daripada sebarang kelalaian.

"Sebaliknya, agensi-agensi awam hendaklah berusaha mengurangkan perbelanjaan ini dengan menjaga kos perbelanjaan projek-projek tidak melibihi daripada yang dianggarkan. Kecekapan penguurusan wang dan sikap bertanggungjawab amat penting dalam aspek ini," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan agensi-agensi awam yang memasuki sektor harta terutamanya membina bangunan untuk disewakan supaya mengutamakan hasil.

"Ramalan ini berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi yang sederhana tahun ini bagi negara-negara perindustrian utama dan seterusnya akan memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara kita yang masih lagi bergantung kepada pasaran eksport.

"Walaupun demikian, kita masih lagi boleh memperbaiki ekonomi kita jika kita sanggup berusaha meningkatkan produktiviti kita, iaitu mengurangkan kos dan menjadikan ba-